

Headline	Bomba selamat lelaki bunuh diri		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Sep 2019	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	21
ArticleSize	162 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,145		



Bomba selamat lelaki bunuh diri

ANGGOTA bomba selamatkan lelaki cuba bunuh diri.

Sepang: Tindakan pantas sepasukan anggota bomba berjaya menyelamatkan seorang lelaki daripada cubaan bunuh diri di menara elektrik Tenaga Nasional Bhd (TNB) di sini malam semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 10.30 malam berhampiran Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Tamil Kampung Ladang Fernanagh, Teluk Merbau, Sungai Pelik itu, mangsa cuba terjun daripada menara setinggi 50 meter.

Bagaimanapun, mangsa berusia 38 tahun itu akhirnya berjaya diselamatkan

selepas dipujuk oleh anggota pasukan bomba dan penyelamat.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sepang, Azrul Faizal Maariff berkata, mangsa turun dengan sendiri selepas dipujuk oleh anggotanya.

Beliau berkata, mangsa kemudiannya diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya.

“Siasatan awal mendapati, mangsa tidak siuman,” katanya dalam kenyataan dikongsi menerusi Facebook (FB) rasmi Jabatan Bomba dan Penyelamat Sepang.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC Industry)	1	0	0
Jabatan Bomba Dan Penyelamat (Jabatan Bomba Dan	7	0	0
Language (Language)	1	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	2	0	0
UKM - internal checking only (UKM - internal checking only)	1	0	0